

Penyertaan Tinjauan bagi Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (“SRI”)

A) Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Permodalan Nasional Berhad (197801001190 (38218-X)) (“PNB” atau “Penganjur”) sebagai sebahagian daripada Tinjauan SRI (“Tinjauan”).
2. Kempen ini akan bermula pada jam 00:00 (GMT +8) pada 10 Ogos 2026 sehingga jam 23:59 (GMT +8) pada 31 Disember 2026 (“Tempoh Kempen”).
3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”) bersetuju untuk terikat dengan semua terma dan syarat di bawah (selepas ini dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”).
4. Kelayakan
 - 4.1. Kempen ini terbuka kepada semua responden yang merupakan warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas, yang menghantar maklum balas yang sah melalui Tinjauan dalam Tempoh Kempen, kecuali semua kakitangan, pekerja dan ahli keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kakitangan dan pekerja Penganjur serta kumpulan syarikatnya dan/atau entiti berikut, mengikut mana-mana yang berkenaan:
 - i. PNB;
 - ii. Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”);
 - iii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (No. Pendaftaran 198801008611 (175967-W));
 - iv. PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad (No. Pendaftaran 200001015384 (517991-A));
 - v. PNB Research Institute Sdn Bhd (No. Pendaftaran 198501007000 (139442-U));
 - vi. PNB Commercial Sdn Berhad (No. Pendaftaran 200001015419);
 - vii. Attana Hospitality Group; dan
 - viii. mana-mana syarikat dan/atau entiti lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah PNB,

(secara kolektif, “Kumpulan PNB”).

- 4.2. Setiap maklum balas Tinjauan yang lengkap dan sah layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Alamat e-mel Peserta akan digunakan sebagai pengenalan unik. Sekiranya lebih daripada satu maklum balas dihantar menggunakan alamat e-mel yang sama, hanya satu (1) penyertaan akan dikira.
- 4.3. Maklum balas yang sah adalah maklum balas yang lengkap sepenuhnya dan dihantar dalam Tempoh Kempen, serta mematuhi Terma dan Syarat ini. Maklum balas yang tidak lengkap, berulang, automatik atau tidak sah akan ditolak dan tidak layak untuk penyertaan.
- 4.4. Peserta bertanggungjawab untuk memberikan butiran peribadi yang tepat, lengkap dan terkini (termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, alamat e-mel dan nombor telefon) semasa penghantaran maklum balas Tinjauan, dan memastikan butiran tersebut kekal sah dan boleh dihubungi sepanjang Tempoh Kempen. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Peserta atau pemenang bersyarat tidak dapat dihubungi, atau hadiah tidak dapat disampaikan, disebabkan oleh butiran yang tidak lengkap, tidak tepat atau luput yang diberikan oleh Peserta.

5. Cara Menyertai

- 5.1. Peserta hendaklah melengkapkan dan menghantar Tinjauan melalui saluran akses Tinjauan rasmi yang ditetapkan oleh Penganjur, termasuk pautan Tinjauan, kod QR atau apa-apa cara akses lain yang mungkin disediakan atau dimaklumkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa, dan menghantarnya sebelum tamat Tempoh Kempen. Sebarang Tinjauan yang dihantar melalui saluran yang tidak dibenarkan, tidak sah atau tidak rasmi mungkin diabaikan dan tidak layak sebagai penyertaan bagi Kempen ini.

6. Hadiah

Hadiah	Item	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Penginapan 2 Malam di Park Hyatt Kuala Lumpur	1
Hadiah Kedua	Dyson V12 Detect Slim Absolute	1
Hadiah Ketiga	Skuter Elektrik Xiaomi 4 Go	1
Hadiah Saguhati	PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM500.00	10

7. Pemilihan dan Pemberitahuan Pemenang

- 7.1. Pemenang akan dipilih secara rawak daripada kalangan Peserta yang layak melalui sistem cabutan berkomputer yang dikendalikan oleh Penganjur selepas tamat Tempoh Kempen. Setiap pemenang layak menerima hanya satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen.
- 7.2. Penganjur akan menghubungi pemenang bersyarat bagi Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga melalui panggilan yang dirakam dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas selesainya proses pemilihan pemenang, atau tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Penganjur mengikut budi bicara mutlaknyanya. Sekiranya pemenang bersyarat tidak dapat dihubungi selepas cubaan tersebut, atau gagal memberi maklum balas atau memenuhi keperluan hadiah dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dihubungi, Penganjur berhak untuk membatalkan kemenangan tersebut dan memilih pemenang simpanan yang lain.
- 7.3. Bagi hadiah PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet, PIN akan dihantar ke alamat e-mel berdaftar pemenang atau melalui saluran komunikasi lain yang sesuai dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas tamat Tempoh Kempen. Tiada maklum balas, pengakuan atau tindakan lanjut daripada pemenang diperlukan setelah menerima PIN tersebut. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, setelah PIN dihantar, tiada notis, peringatan atau pengesahan lanjut akan dikeluarkan oleh Penganjur berhubung dengan hadiah tersebut.

- 7.4. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang bernilai setara pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlakunya. Warna dan spesifikasi sebenar sesuatu hadiah mungkin berbeza daripada imej yang ditunjukkan dalam bahan promosi.
- 7.5. Semua notis e-mel rasmi kepada penerima ganjaran di bawah Kempen ini hanya akan dikeluarkan oleh Penganjur menggunakan alamat e-mel rasmi esginvestments@pnb.com.my selepas tamat Tempoh Kempen. Sebarang komunikasi, tidak terhad kepada ganjaran atau kemenangan, yang diterima daripada mana-mana alamat e-mel lain, sumber tanpa kebenaran, atau yang diterima sebelum tamat Tempoh Kempen, hendaklah dianggap sebagai tidak benar, tidak sah dan tidak mengikat Penganjur, dan hendaklah dianggap sebagai komunikasi tidak sah, pancingan data (*phishing*) atau penipuan. Penganjur tidak akan meminta sebarang bayaran, butiran perbankan, kata laluan atau kata laluan sekali guna (OTP) berhubung dengan Kempen ini. Peserta dinasihatkan supaya tidak membalas komunikasi sedemikian dan supaya melaporkannya kepada Penganjur dengan segera. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan atau liabiliti yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana Peserta yang berbangkit daripada atau berhubung dengan sebarang komunikasi yang tidak sah, mencurigakan, pancingan data (*phishing*) atau penipuan.

B) Terma dan Syarat Am

1. Semua keputusan Penganjur adalah muktamad dan sebarang komunikasi, rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Penganjur untuk:
 - 2.1. mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang diberikan oleh Peserta kepada Penganjur semasa menyertai Kempen ini, termasuk gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") selaras dengan dasar privasi Penganjur yang boleh didapati di laman sesawang Penganjur di www.pnb.com.my; dan

- 2.2. mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi di kalangan Kumpulan PNB (jika ada), dan/atau dengan ejen dan penyedia perkhidmatan yang dibenarkan (yang telah bersetuju untuk merahsiakan Data Peribadi Peserta) bagi tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kepada Peserta atau apa-apa perkhidmatan berkaitan lain dan apa-apa tujuan berkaitan lain selaras dengan keperluan undang-undang yang berkenaan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan (jika berkenaan).
3. Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, Penganjur, ahli gabungannya, wakil, ejen dan/atau penyedia perkhidmatannya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang berbangkit dalam apa jua cara berhubung dengan Kempen ini. Tanpa menghadkan perkara di atas, Penganjur, ahli gabungannya, wakil, ejen dan/atau penyedia perkhidmatannya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan berhubung dengan Kempen yang disebabkan oleh bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan kerja, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak, kegagalan sistem dan teknikal, atau apa-apa peristiwa di luar kawalan munasabah Penganjur.
4. Penganjur berhak, pada bila-bila masa, untuk mengubah, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini lebih awal, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk meminda, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, tanpa notis awal kepada Peserta.
5. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak memenuhi kelayakan dan kriteria dan/atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini dan/atau melanggar dasar Penganjur atau undang-undang yang berkenaan dan/atau didapati atau disyaki cuba mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan penipuan dan/atau pemalsuan dan/atau kecurangan berhubung dengan Kempen ini.
6. Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang pindaan, pemadaman atau penambahan, akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi, sama ada bercetak atau elektronik, yang mengiklankan Kempen ini.
7. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

8. Terma dan Syarat ini boleh dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan atau konflik antara kedua-dua versi tersebut, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.